Harian Metro 27/2/14

# Rancang bandar baru di UniSZA

**Jertih:** Kerajaan negeri merancang menubuhkan bandar baru di kawasan pusat pendidikan Taman Ilmu dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Kampung Tembila, dekat sini, bagi menampung kepesatan penduduk yang bakal dialami di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Putera Mohd Mahdi Musa berkata, kawasan berkenaan perlu dibangunkan dengan pelbagai kemudahan asas berikutan dua pusat pendidikan bakal beroperasi sepenuhnya tidak lama lagi.

Katanya, sebuah Jawatankuasa Pembangunan Taman Ilmu ditubuhkan bagi merancang pembangunan baru di situ terutama keperluan perumahan bagi menampung jumlah penduduk yang akan bertambah.

"Apabila Kampus UniSZA dan Taman Ilmu siap tidak lama lagi dijangka 50,000 penduduk mendiami Kampung Tembila.

"Kawasan berkenaan memerlukan lebih banyak rumah untuk pelajar, tenaga pengajar dan penduduk tempatan," katanya selepas merasmikan Program Cakna Alam di Kampus UniSZA Tembila, dekat sini, semalam.

Beliau berkata, ketika ini Kampus UniSZA Tembila tidak mampu menampung keperluan pelajar berikutan kolej kediaman yang terhad dan mereka terpaksa mencari kediaman di luar kampus.

Katanya, 898 pelajar kumpulan pertama tinggal di kolej kediaman sejak beroperasi tahun lalu dan jumlah itu bertambah 3,000 pelajar baru apabila pengambilan sesi kedua bermula tidak lama lagi.



KAMPUS Unisza, Besut mula beroperasi tahun lalu memerlukan tambahan kolej kediaman untuk kemudahan pelajar.

FOTO: MOHAMMAD ISI



MOHD Mahdi menanam pokok sempena pelancaran Program Cakna Alam di Kampus UniSZA Tembila.

Mohd Mahdi berkata, pengurusan UniSZA juga berusaha mewujudkan bangunan tambahan seperti pejabat pentadbiran, fasiliti akademik dan dewan kuliah menerusi Rancangan Malaysia Ke-10.

Menerusi program itu, katanya, RM30 juta disediakan tahun ini untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan dirancang.

Katanya, kampus UniSZA Tembila mempunyai keluasan 400 hektar mewujudkan program asasi sains yang bakal menerima pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia membabitkan 300 pelajar secara berperingkat.